

## RENCANA

ARKIB : 12/09/2001

### Berani atas kelemahan

Petikan ucapan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Konvensyen Perdana Pendidikan Kebangsaan 2001 di Institut Aminuddin Baki (IAB), Genting Highlands semalam.

SAYA bergembira di atas daya usaha berterusan yang dirintis oleh warga pendidikan dalam hasrat mencari pendekatan yang lebih kemas kini untuk memenuhi amanah melaksanakan tanggungjawab secara berkesan sebagai pengurus, pentadbir dan pemimpin organisasi di peringkat sekolah.

Pendekatan kemas kini menjadi lebih penting untuk menghadapi cabaran pendidikan di abad kedua puluh satu. Abad kedua puluh satu memperlihatkan kepesatan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang membawa ledakan budaya baru dalam kehidupan harian. Maklumat dan pengetahuan kini dapat diperoleh di hujung-hujung jari secara pantas dan cepat. Ini membolehkan para pelajar memperoleh dan terdedah kepada pelbagai bentuk maklumat yang tidak terbatas kepada bahan-bahan bacaan di sekolah. Para pendidik tidak boleh ketinggalan daripada mengikuti perkembangan ini supaya boleh memahami faktor-faktor rujukan yang mempengaruhi pemikiran dalaman dan corak laku para pelajar.

Ekonomi dunia yang berpaksikan pengetahuan (K-ekonomi) meletakkan pengetahuan dan manusia berpengetahuan sebagai faktor pengeluaran paling penting dalam sistem ekonomi semasa. Ekonomi berpaksikan pengetahuan telah mencorak budaya baru dari segi pendekatan dan kerjaya. Kerjaya baru akan wujud dan sebahagian daripada kerjaya sedia ada akan jumud. Cara dan waktu bekerja akan berubah. Komponen ilmu menjadi bertambah penting. Pembangunan sumber manusia berpengetahuan dari segi kualiti dan kuantiti merupakan prasyarat bagi membolehkan Malaysia terus mempunyai daya saing yang tinggi dalam perkampungan global hari ini dan hari esok. Institusi sekolah terlibat secara langsung di peringkat awal dalam proses menyediakan sumber manusia berpengetahuan.

Para pengetua dan guru besar adalah peneraju utama kepimpinan di peringkat sekolah. Para pengetua dan guru besar adalah ketua eksekutif di peringkat organisasi masing-masing. Sebagai ketua eksekutif, saudara-saudari akan menjadi role model kepada para guru, kakitangan sokongan, para pelajar, ibu bapa dan masyarakat sekitar. Sebagai ketua eksekutif, saudara-saudari dipertanggungjawabkan satu amanah besar oleh negara untuk mencanai minda dan membina sahsiah generasi muda dan generasi muda di negara kita. Sebagai ketua eksekutif,

saudari-saudari harus berupaya mencorakkan iklim dan persekitaran sekolah berteraskan hubungan baik dengan rakan sejawat, guru, kakitangan sokongan, pelajar, ibu bapa dan masyarakat sekitar. Sebagai ketua eksekutif saudara-saudari harus berjaya mewujudkan persekitaran belajar yang kondusif untuk pelajar dan persekitaran kerja yang harmoni untuk kakitangan. Sebagai ketua eksekutif, saudara-saudari boleh menjadi jambatan untuk menghubungkan agensi-agensi lain khususnya sektor swasta membantu meningkatkan usaha untuk melahirkan masyarakat berilmu melalui pelbagai kegiatan sekolah. Sebagai ketua eksekutif saudara-saudari bukan sahaja perlu memahami wawasan dan matlamat pendidikan negara tetapi dapat merangka secara berkesan kaedah yang kemas dan mantap di peringkat pelaksanaan.

Sejak mencapai kemerdekaan, negara telah meletakkan gagasan yang tepat dalam menggubal program pembangunan. Pendidikan dijadikan komponen penting dalam agenda negara merangka dasar pembangunan. Pendidikan berperanan utama untuk membangunkan sumber manusia berpengetahuan untuk kemudiannya berperanan sebagai penggerak membangunkan negara. Di samping bertanggungjawab menyediakan sumber manusia terlatih dan berpengetahuan, pendidikan berperanan membentuk identiti warga, menyemaikan perasaan kenegaraan dan membina perpaduan nasional di kalangan warga. Atas keinsafan bahawa maju mundur, kaya miskin dan hina mulianya sesuatu bangsa itu bergantung kepada tahap penguasaan ilmu, maka kerajaan telah mengambil tanggungjawab utama menyediakan sebanyak dan sebaik mungkin prasarana pendidikan melalui peruntukan kewangan yang besar untuk membolehkan setiap warga yang berpotensi mendapat peluang saksama melanjutkan pelajaran dan memenuhi keperluan intelek masing-masing.

Setelah 44 tahun merdeka, kita telah melihat satu tahap kemajuan dan pencapaian yang sungguh membanggakan di bidang pendidikan. Dalam tempoh 44 tahun mencapai kemerdekaan, negara telah dapat menghasilkan bilangan terpelajar dan cerdik pandai serta tenaga ikhtisas dan teknokrat pada angka yang sungguh menggalakkan. Dasar afirmatif yang turut diperkenalkan selepas peristiwa 13 Mei 1969 untuk mengimbangkan pencapaian yang lebih saksama di antara kaum juga telah membuktikan bahawa anak-anak Melayu, jika diberikan kemudahan dan rangsangan yang betul dapat berdiri sama tinggi dan melangkah sama jauh dengan kaum-kaum lain di negara ini.

Melalui program pendidikan negara telah berjaya melakukan anjakan terbesar (quantum leap) kepada warga muda negara melintasi perbatasan baru (new frontier) terutama di kalangan anak-anak Melayu dan bumiputera. Masyarakat Melayu dan bumiputera yang dahulu lebih dikenali sebagai masyarakat tani, kini telah menguasai dan mengisi profesi pekerjaan yang berasaskan kemahiran dan pengetahuan di pelbagai peringkat dalam sektor awam dan swasta.

Perekayasaan sosial (social reengineering ) ini dapat tercapai melalui dasar yang tepat dan pelaksanaan program pendidikan yang berkesan. Negara terhutang budi kepada khidmat bakti yang telah dicurahkan oleh para guru dalam menghasilkan jumlah cerdik pandai dan tenaga ikhtisas yang hari ini merupakan jentera penggerak utama kepada program pembangunan negara. Profesi perguruan telah memberikan sumbangan bernilai dan berharga memenuhi dasar, menyediakan sumber tenaga mahir dan berpengetahuan untuk mengisi keperluan negara.

Rekod gemilang tersebut dapat dicapai kerana adanya semangat berkhidmat yang tulen dan perhatian yang terjurus di kalangan para guru yang telah melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan penuh komitmen dan kesungguhan. Para guru telah berpegang kepada etika profesi secara penuh disiplin. Nyatakan semangat tinggi melaksanakan amanah dan tanggungjawab secara bersungguh adalah penentu yang telah meletakkan para guru sebagai kumpulan tenaga profesional yang disanjung tinggi dan dipandang mulia oleh masyarakat. Semangat berkhidmat yang tinggi yang diperlihatkan oleh para guru terutamanya di era sebelum dan pasca merdeka dan ketika Dasar Ekonomi Baru mula diperkenalkan hendaklah terus dihidupkan dari segi disiplin, komitmen, pengorbanan dan kesungguhan dalam memenuhi tanggungjawab sebagai pendidik.

Kemajuan teknologi maklumat dan perhubungan, dunia tanpa sempadan dan ekonomi berasaskan pengetahuan membawa cabaran baru. Cabaran baru membawa kita kepada perbatasan baru yang tidak terbatas kepada sempadan negara malah memerlukan persediaan untuk menghadapi persaingan global yang lebih mencabar. Cabaran baru memerlukan pendekatan baru. Cabaran baru dan perbatasan baru menuntut kepada kesediaan kita melakukan perubahan dan pengubahsuaian untuk memastikan kita terus berupaya mara dan melonjak ke hadapan.

Keberanian menilai semula dan kesanggupan melihat kelemahan yang ada dari segi dasar, sistem, pendekatan dan kaedah akan membolehkan sesuatu bangsa itu menjadi lebih kuat. Oleh itu warga pendidikan wajarlah bersikap fleksibel, melakukan pengubahsuaian dan penyesuaian dalam melaksanakan tanggungjawab berikutan perubahan-perubahan dinamik yang telah, sedang dan akan berlaku.

Sekolah merupakan pemangkin utama dalam merealisasikan agenda pembangunan negara. Pengetua dan guru besar selaku nakhoda yang melayarkan bahtera bernama sekolah harus memahami arah haluan yang sedang dituju dalam membimbing anak-anak kapal di bawah pimpinannya. Pengetua dan guru besar perlu jelas dalam memberikan isyarat supaya memberi penekanan yang tepat dalam usaha membantu membekalkan tenaga mahir menurut keperluan negara.

Sekolah haruslah mewujudkan persekitaran yang memperlihatkan kesungguhan tumpuan terhadap penguasaan ilmu secara kukuh terutama dalam mata pelajaran utama seperti Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Adalah ironik pelajar yang telah melalui 13 tahun pendidikan di peringkat rendah dan menengah masih perlu mengikuti kelas bahasa Inggeris yang begitu primari apabila melangkah masuk ke universiti. Pusat sumber umpamanya hendaklah diperkayakan dengan bahan-bahan rujukan dan bacaan yang menarik dalam subjek-subjek berkaitan. Keutamaan perbelanjaan sekolah hendaklah dihalakan untuk memperlengkapkan keperluan pengajaran, bahan rujukan, bahan bacaan, bahan makmal dan peralatan sains berbanding daripada mencantikkan pagar dan menghias bangunan.

Dalam pada itu, sekolah juga merupakan institusi yang bertanggungjawab mencanaikan bukan sahaja perkembangan minda pelajar dari segi akademik, malah turut bertanggungjawab membina sahsiah pelajar hingga menjadi seorang insan syumul. Penekanan terhadap pentingnya rasa tanggungjawab pelajar terhadap diri sendiri, keluarga, bangsa, negara dan agama amatlah perlu

diberikan perhatian dalam usaha membina warga muka yang memiliki kekuatan rohani, mental dan jasmani.

Sekolah juga hendaklah menjadi tapak semaian yang membolehkan semua bakat dan kebolehan dapat tumbuh dan dikembangkan. Kepimpinan di peringkat sekolah hendaklah mempunyai keupayaan membantu pertumbuhan dan perkembangan bakat serta potensi semua warga muka Malaysia yang tidak terbatas kepada pencapaian akademik semata-mata.

Sebuah negara maju memperlihatkan pengiktirafan kepada pelbagai bakat manusia merangkumi bidang-bidang sukan, seni dan kebudayaan. Sekolah hendaklah dijadikan taman yang membolehkan setiap pohon berakar, tumbuh, segar dan menghijau untuk melalui kehidupan di taman kehidupan yang lebih luas. Untuk itu kepimpinan sekolah hendaklah mengamalkan sikap terbuka membantu pertumbuhan dan perkembangan bakat warga muka Malaysia untuk dapat berkembang secara sihat.

Bakat-bakat muda hendaklah diasuh dan dibimbing hingga mencapai tahap kecemerlangan dan sampai ke peringkat yang dapat memberikan nilai ekonomi kepada bakat yang ada hatta boleh mengharumkan nama negara di persada dunia.

Kepimpinan yang bijak di peringkat sekolah akan dapat menjadikan sekolah sebagai satu taman penghidupan yang indah dan mempunyai tarikan kepada para pelajar untuk berminat berada di dalamnya. Banyak telah diperkatakan tentang masalah sosial dan moral di kalangan remaja. Mungkin pendekatan yang terlalu berbentuk konfrontasional dan punitif tidak merupakan pendekatan berkesan, sebaliknya melahirkan perasaan menentang (rebellious) di kalangan pelajar.

Oleh itu adalah wajar untuk para pendidik memikirkan pendekatan alternatif yang dapat mengalirkkan tenaga lebih yang tersimpan di dalam diri remaja ke saluran yang dapat menjanakan kegiatan yang membina lagi produktif. Untuk itu kepimpinan di sekolah perlu berfikir secara strategik dalam usaha membantu mengatasi masalah moral dan kurang disiplin di kalangan remaja dengan memperkenalkan gerak kerja dan kegiatan yang menunjukkan penghargaan kepada semua pelajar, terutama di kalangan mereka yang kurang menunjukkan prestasi cemerlang di bidang akademik.

Negara telah menggariskan wawasan yang jelas untuk mencapai taraf negara maju dalam tahun 2020. Kepimpinan di peringkat sekolah bertanggungjawab dalam merangka dan menentukan wawasan negara akan tercapai sepenuhnya. Matlamat dan misi organisasi di peringkat sekolah hendaklah selari dan sehaluan dengan wawasan besar negara. Jika terdapat budaya sampingan (sub-culture) di peringkat organisasi sekolah yang berbeza daripada wawasan besar negara, maka akan pincanglah pelaksanaan dasar dan akan tercetuslah pertembungan di antara wawasan negara dengan jentera pelaksanaan yang telah diberikan amanah dan tanggungjawab oleh negara. Dalam situasi sedemikian, sumber dan tenaga akan menjadi kurang produktif malah boleh sampai ke peringkat menjadi tidak produktif. Akibatnya anak-anak yang mengharapkan bimbingan dan panduan para guru menjadi mangsa kepada persekitaran pendidikan yang songsang.

Pada hari ini ada berlaku perkara-perkara yang bercanggah dengan etika profesi penguruan dalam persekitaran pendidikan yang boleh menjelaskan masa hadapan pelajar. Insiden seperti menyelitkan soalan peperiksaan bernada sinis, menentang pemimpin tertentu dan berbentuk antikerajaan, tumpuan kepada perkara-perkara yang tidak berkait dengan urusan sekolah, mengenakan peraturan secara sendiri yang dianggap lebih bercirikan Islam walaupun tidak merupakan dasar yang ditetapkan oleh kementerian, lebih tertumpu menjalankan kelas tuisyen daripada kelas biasa dan berbagai-bagai budaya sampingan (sub-culture) lagi yang tercusus dalam persekitaran sekolah, tiap satu daripadanya akan meletakkan pelajar berada dalam dilema dan akhirnya menjadi mangsa kepada sikap salah laku guru.

Perkara tersebut sepatutnya dicegah daripada merebak, di peringkat sekolah lagi. Tetapi, jika kepimpinan di peringkat sekolah kurang ketegasan, maka masalah tersebut akan berlarutan dan berkembang hingga akhirnya menjadi bahan sensasi akhbar dan menjemput polemik yang berpanjangan. Perlulah disedari bahawa bilangan sekolah yang banyak dan bertaburan dari segi lokasi, tidak memungkinkan jabatan dan kementerian untuk dapat mengawasi secara dekat tiap satu daripadanya.

Kepimpinan di peringkat sekolah hendaklah mempunyai kewibawaan dan ketegasan menangani masalah di peringkat sekolah masing-masing melalui sistem penyeliaan dan pemantauan yang berkesan. Jika soalan peperiksaan pelajar, diawasi dan diselia dengan teliti di peringkat sekolah, saya percaya bentuk soalan yang menyimpang tidak akan sampai ke peringkat pelajar.

Jawatan pengetua dan guru besar telah meletakkan saudara-saudari sebagai pemimpin dan hendaklah disandang dengan penuh akauntabiliti, memenuhi harapan guru-guru dan kakitangan sokongan di bawah seliaan masing-masing, para pelajar serta ibu bapa, masyarakat, kerajaan dan negara. Kredibiliti warga pendidik sebagai pemimpin bergantung kepada bagaimana menggunakan kuasa dan tanggungjawab yang diamanahkan berdasarkan bidang tugas masing-masing. Kepimpinan bukan sahaja lahir daripada apa yang kita sampaikan tetapi juga melalui tingkah laku yang meliputi cara penampilan diri, cara berpakaian, cara berinteraksi dan cara berkomunikasi. Kualiti kepimpinan terbentuk melalui kombinasi pengalaman, kepakaran, pengetahuan, watak dan keperibadian individu. Memastikan kepimpinan cemerlang di peringkat sekolah adalah satu keperluan asasi untuk menjayakan pelaksanaan dasar pendidikan negara. Kepimpinan cemerlang akan dapat memastikan bahawa dasar dapat diterjemahkan dengan betul dan tepat di peringkat pelaksanaan.

Kepimpinan yang berkesan akan dapat membawa seluruh warga sekolah sama-sama menghayati aspirasi nasional dan wawasan negara. Kepimpinan yang berkesan di peringkat sekolah berkeupayaan memimpin, mendorong, merangsang, membangun dan menggembungkan tenaga kerja, kepakaran dan peralatan yang ada untuk mencapai matlamat organisasi. Kepimpinan yang berkesan akan dapat membina satu pasukan kerja yang kukuh dan padu, bersama dalam wawasan, bersatu dalam tindakan.

Kepimpinan yang berkesan akan dapat memberikan inspirasi kepada masyarakat sekolah dan masyarakat umum melalui amalan budaya pengurusan terbuka, sedia menerima pandangan dari rakan-rakan sekerja dan sedia menerima pendapat daripada pekerja bawahan termasuk daripada kalangan kakitangan rendah, pembantu pejabat, pemandu, tukang kebun dan tukang sapu.

Kepimpinan yang berkesan akan menjadi role model, pemimpin contoh di peringkat sekolah dan masyarakat sekitar.

Pemimpin yang berkesan di peringkat sekolah adalah faktor penting yang menentukan kejayaan sekolah. Ia bukan sahaja dapat memenuhi sasaran pencapaian sekolah tetapi dapat menerapkan penghayatan terhadap wawasan negara hingga dapat didukung secara bersama oleh setiap warga sekolah dan masyarakat persekitaran. Pemimpin yang berkesan tidak sekadar berperanan untuk menyampaikan arahan dan melakukan penyeliaan tetapi berupaya menggalakkan perkembangan inovasi dan kreativiti melalui pendekatan yang menggalak berlakunya percambahan fikiran di kalangan warga sekolah hingga dapat mencetuskan pemikiran dan pendekatan baru.

Pemimpin yang dihormati akan berperanan sebagai fasilitator, kaunselor, penyelesa masalah, pembuat keputusan secara perundingan dan pendorong pembelajaran serta berani menggunakan budi bicara menghadapi risiko berdasarkan pertimbangan yang rasional dan teliti. Pemimpin yang berkesan akan melihat tenaga manusia di sekolahnya sebagai aset yang harus dihormati dan tiap seorang daripada mereka mempunyai kekuatan dan kelebihan yang boleh diterokai ke peringkat tertinggi.

Kualiti kepimpinan unggul yang sepatutnya ada pada seseorang pengetua atau guru besar ialah sikap berani berhadapan dengan cabaran, menggalakkan inovasi dan kreativiti, sentiasa mengambil berat tentang kebijakan orang bawahan, ramah mesra dengan ibu bapa dan masyarakat, bekerjasama dengan pemimpin setempat, berilmu dunia dan akhirat, pandai menyesuaikan diri dalam masyarakat, telus dalam kepimpinan dan dalam pergaulan harian dan mempunyai personaliti yang boleh dicontohi.

Pendidikan adalah satu pelaburan jangka panjang negara yang melibatkan perbelanjaan besar. Di negara kita, setiap anak yang mencapai usia tujuh tahun dijamin mendapat tempat di sekolah secara percuma hingga sampai ke usia 18 tahun. Ibu bapa hanya diperlukan membawa anak untuk didaftarkan di sekolah dan tanggungjawab menyediakan kelengkapan, peralatan dan tenaga pengajar ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Walaupun tanggungjawab ini diambil sepenuhnya oleh kerajaan, ibu bapa dan masyarakat harus dibawa bersama mengambil tanggungjawab terhadap pendidikan anak-anak. Usaha bersungguh perlu dilakukan untuk merapatkan sekolah dengan ibu bapa dan masyarakat setempat. Program permuafakatan untuk membawa ibu bapa dan masyarakat membantu mengatasi masalah berkaitan disiplin pelajar perlu dipertingkatkan.

Sekolah hendaklah dijadikan institusi masyarakat. Langkah-langkah strategik perlu diterokai untuk memasyarakatkan institusi sekolah. Dalam sistem ekonomi yang berpaksikan pengetahuan, budaya belajar sepanjang hayat perlu diterapkan. Kemudahan sekolah di mana sesuai haruslah ditawarkan penggunaannya kepada masyarakat. Sewaktu berpeluang berkhidmat sebagai Menteri Pendidikan, saya pernah menyarankan supaya kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah cuba diperpanjangkan untuk kegunaan masyarakat sekitar, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Dewan sekolah, padang sekolah, pusat sumber dan makmal komputer sekolah jika sesuai hendaklah ditawarkan kemudahannya kepada masyarakat sekitar.

Saya percaya mekanisme pelaksanaan yang bijak dan tersusun akan dapat memberikan penggunaan optimum kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah untuk kegunaan masyarakat. Pada masa yang sama sekolah juga boleh mendapatkan sumbangan tenaga dan kepakaran selain daripada sumbangan kewangan daripada ibu bapa dan masyarakat setempat untuk meningkatkan kecemerlangan prestasi sekolah. Ibu bapa yang berkelayakan boleh diajak bersama untuk memberi bimbingan kepada pelajar-pelajar dalam bidang akademik, kokurikulum, pembinaan sahsiah diri pelajar dan sebagainya.

Pengetua dan guru besar harus berani serta bersedia membawa dan memperkenalkan perubahan pendekatan dalam mengendalikan sekolah masing-masing. Kebijaksanaan menyesuaikan tindakan dengan situasi dan keperluan masyarakat setempat akan dapat meningkatkan sekolah melaksanakan peranan lebih bermakna dalam hasrat membantu negara membina masyarakat berilmu dan berpengetahuan.

Artikel Penuh:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0912&pub=utusan\\_malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_01.htm#ixzz2vnzIMBZy](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0912&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm#ixzz2vnzIMBZy)

© Utusan Melayu (M) Bhd